



**KENYATAAN MEDIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI**

**PELANTIKAN TUN MUSA HITAM  
SEBAGAI MENTERI DARJAH (*CHANCELLOR*) BAHARU  
BAGI DARJAH YANG MULIA SETIA MAHKOTA MALAYSIA**

---

Pejabat Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan Tun Musa Hitam sebagai Menteri Darjah (*Chancellor*) yang baharu bagi Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia.

Pelantikan Tun Musa Hitam sebagai Menteri Darjah (*Chancellor*) bagi Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia ini adalah untuk tempoh tiga tahun mulai 13 September 2024 hingga 12 September 2027. Pelantikan ini selari dengan keperluan yang dinyatakan di dalam Statut Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia bagi memastikan urusan menandatangani watak-watak kurniaan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota di bawah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan berjalan lancar.

**PEJABAT PERDANA MENTERI**  
25 September 2024